



مجالس دائرية سابق برنام

## MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/ 1000 Fax: 03 3224 2766/ 5339

E-mail: [www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my)

### SYARAT PERMIT PEMASANGAN IKLAN GEGANTUNG (SEPANDUK, POSTER DAN TANDA LANGIT)

1. Pemegang permit adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Iklan (MDSB) 2007 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MDSB dari semasa ke semasa;
2. **Menjelaskan** bayaran fi permit dan cagaran pematuhan syarat mengikut jumlah yang telah ditentukan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam. Kegagalan untuk mematuhi syarat dan peraturan boleh menyebabkan wang cagaran pematuhan dilucut dan dirampas;
3. Bahasa Kebangsaan **hendaklah** digunakan dengan nahu yang betul sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain;
4. Bahasa Kebangsaan **hendaklah** diutamakan dari segi kedudukan dan berukuran 30% lebih besar berbanding bahasa-bahasa lain;
5. Pelekat permit **hendaklah** dilekatkan di muka hadapan iklan;
6. Iklan **mestilah** diturunkan selewat-lewatnya 24 jam selepas tempoh permit berakhir;
7. **Dilarang** memasang iklan yang mengandungi visual atau perkataan yang tidak sopan atau lucuh;
8. **Dilarang** memasang iklan yang mengandungi gambar atau lambang atau mesej minuman keras;
9. **Dilarang** memasang iklan yang menyentuh sensitiviti pihak lain;
10. **Dilarang** memasang iklan yang mengandungi mesej politik;
11. **Dilarang** memasang iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;
12. **Dilarang** memasang iklan yang difikirkan tidak sesuai kerana boleh mendatangkan kekeliruan atau bahaya dari segi fizikal dan emosi masyarakat;
13. **Dilarang** memasang iklan di lokasi yang boleh melindung atau mengganggu apa-apa isyarat lalu lintas, tanda arahan, lampu jalan atau lampu hiasan, tanaman hiasan @ pokok dan peralatan kemudahan awam;
14. **Dilarang** memasang iklan merintangi mana-mana lebuhraya atau jalan;
15. **Dilarang** memasang iklan dimana-mana bahagian struktur *BILLBOARD*;
16. **Dilarang** memasang iklan dimana-mana bahagian jejantas atau jejambat;
17. **Dilarang** memasang iklan yang menggunakan bahan pantul cahaya yang boleh mengganggu penglihatan;
18. **Dilarang** memasang iklan dalam keadaan buruk, lusuh atau koyak yang boleh mencacatkan pemandangan;
19. **Dilarang** memasang iklan dimana-mana kawasan awam yang boleh menghalang, mengganggu atau membahayakan orang ramai;



مجالس ساكاينه سابق برنام

## MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/ 1000 Fax: 03 3224 2766/ 5339

E-mail: [www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my)

20. Wang cagaran pematuhan syarat hanya boleh dibayar balik selepas iklan diturunkan oleh pemegang permit mengikut tempoh yang ditetapkan dan pihak Majlis telah berpuas hati bahawa segala syarat dan peraturan telah dipatuhi sepenuhnya; dan
21. Pihak Majlis berhak membatalkan permit ini dan mengambil tindakan dengan menurunkan iklan yang telah dipasang di atas kegagalan pemegang permit mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

### UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM) 2007

#### A. BAHASA (*Seksyen 3*)

- i. Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dengan nahu yang betul sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain; dan
- ii. Bahasa Kebangsaan hendaklah diutamakan dari segi kedudukan dan berukuran 30% lebih besar berbanding bahasa-bahasa lain.

#### B. SEPANDUK, POSTER DAN TANDA LANGIT YANG DILARANG (*Seksyen 17*)

- i. Mengandungi visual atau perkataan yang tidak sopan atau lucuh;
- ii. Mengandungi gambar atau lambang atau mesej minuman keras;
- iii. Menyentuh sensitiviti pihak lain;
- iv. Mengandungi mesej politik;
- v. Tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;
- vi. Menggunakan bahan pantul cahaya yang boleh mengganggu penglihatan;
- vii. Dalam keadaan buruk, lusuh atau koyak yang boleh mencacatkan pemandangan; dan
- viii. Apa-apa iklan lain yang difikirkan tidak sesuai kerana boleh mendatangkan kekeliruan atau bahaya dari segi fizikal dan emosi masyarakat.

#### C. TEMPAT DAN LOKASI PEMASANGAN YANG DILARANG (*Seksyen 14 (1)*)

- i. Melindung atau mengganggu apa-apa isyarat lalu lintas, tanda arahan, lampu jalan atau lampu hiasan, tanaman hiasan dan peralatan kemudahan awam;
- ii. Merintangi mana-mana lebuhraya atau jalan;
- iii. Mana-mana bahagian struktur *BILLBOARD*;
- iv. Mana-mana bahagian jejantas atau jejambat; dan
- v. Mana-mana kawasan awam yang boleh menghalang, mengganggu atau membahayakan orang ramai.

#### D. CAGARAN PEMATUHAN SYARAT (*Seksyen 8 (3) (a) & Seksyen 11*)

BILANGAN	KADAR
----------	-------



مجالس دائرية سابق برنام  
**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/ 1000 Fax: 03 3224 2766/ 5339

E-mail: [www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my)

◆ 1 hingga 10 unit	RM50.00
◆ 11 hingga 30 unit	RM100.00
◆ 31 hingga 50 unit	RM200.00
◆ 51 hingga 100 unit	RM500.00
◆ 101 unit dan ke atas	RM1,000.00

- # Kegagalan untuk menurunkan Sepanduk, Poster dan Tanda Langit selepas tamat tempoh permit boleh menyebabkan wang cagaran pematuhan dilucut dan dirampas.